

NAMA:

1. (No. K/P:)
2. (No. K/P:)

ISU PENGURUSAN SAMPAH DI MALAYSIA

Salam sejahtera saya ucapkan kepada guru Bahasa Melayu kami _____ dan rakan-rakan. Pada hari ini kami akan membincangkan isu pengurusan sampah di Malaysia

Setiap hari kita akan membuang sampah. Secara puratanya, dalam masa sehari sebanyak 800 gram sampah dibuang oleh setiap rumah di Malaysia. Hal ini bermakna dalam masa sehari sahaja berat sampah yang dihasilkan oleh semua 27 juta rakyat boleh menghasilkan paling kurang 20,000 tan setiap hari. Jumlah sampah sebanyak itu boleh memenuhi setiap penjurong Menara Berkembar Kuala Lumpur (KLCC) sekiranya tidak dikutip dalam tempoh 10 hari.

Boleh anda terangkan takrifan sampah?

Menurut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 pula, sampah ditakrifkan sebagai suatu bahan buangan, termasuk semua bahan yang telah ditetapkan sebagai bahan buangan terjadual, atau semua bahan sama ada dalam bentuk pepejal, cecair atau dalam bentuk gas atau wap yang dilepaskan, diletakkan atau diletakkan dalam alam sekeliling yang akan menyebabkan pencemaran.

Sampah juga dapat dikategorikan. Sampah sarap ini berbeza dari segi bentuk asal dan kandungan fizikalnya. Sampah sarap yang terdapat dapat dikelaskan seperti:

1. Sampah Domestik

Klasifikasi domestik boleh dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu organik, bukan organik dan sampah sarap yang bersaiz besar. Contoh sampah jenis organik ialah plastik, kertas, tekstil dan bekas makanan. Contoh sampah bukan organik ialah kaca, tin logam, tin aluminium, dan contoh sarap yang bersaiz besar ialah barangan elektrik, sampah tanaman dan perabot.

2. Sampah Klinikal

Sampah jenis ini merupakan sampah yang terhasil daripada tisu manusia ataupun binatang, sisa ubat-ubatan, kain sisa pembalut luka, kapas, darah dan semua peralatan tajam yang tidak terpakai.

3. Sampah Industri

Punca sampah dari jenis ini ialah kilang-kilang, terutamanya dari komponen industri yang berasaskan kayu untuk dijadikan komponen kayu papan dan kayu balak. Biasanya sampah jenis ini terdapat pada kawasan perindustrian. Bahan buangan pepejal industri terdiri daripada logam, kayu, benang, kain, buangan makanan, buangan minyak dari sisa panapisan.

4. Sampah Komersial

Sampah jenis ini biasanya berasal dari buangan daripada kedai, restoran, hotel, pasar dan lain-lain aktiviti perniagaan. Biasanya komposisi sampah sarap komersial sama dengan klasifikasi domestik iaitu plastik, kertas, tekstil dan bekas makanan dapur restoran, kertas-kertas dari pejabat. Sampah jenis ini didapati sebagai penghasil sampah terbesar kerana mencakupi kawasan yang luas.

5. Sampah Pembinaan dan Perobohan

Sampah ini berpunca daripada bahan-bahan buangan yang terhasil daripada tapak pembinaan, pengubahsuaian dan tapak perobohan suatu bangunan.

6. Sampah Tumbuh-tumbuhan

Tumbuh-tumbuhan: sampah jenis ini berpunca daripada pembersihan atau pemotongan tumbuh-tumbuhan.

Sampah sarap ini perlu diuruskan dengan baik demi kesejahteraan rakyat.

Setiap bandar raya seperti Kuala Lumpur, pengurusan sampah yang cekap tidak dapat dielakkan. Pengurusan sampah sarap boleh didefinisikan sebagai suatu disiplin ilmu yang berkaitan dengan kawalan penjanaan, penyimpanan, pengumpulan, pemindahan, pengangkutan, pemprosesan dan pelupusan sampah di tapak pelupusan sampah dengan suatu kaedah yang sesuai dengan asas kesihatan orang ramai, ekonomi, kejuruteraan, pemuliharaan, estetik dan pertimbangan kepada alam sekitar.

Jika di Kuala Lumpur, Pihak berkuasa tempatan yang menguruskan sampah ini ialah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Pengurusan sampah yang tidak diurus dengan baik, akan mengakibatkan masalah besar kerana pembuangannya di kawasan terbuka akan mengakibatkan pencemaran tanah. Pembakaran sampah akan mengakibatkan pencemaran udara. Pembuangan sampah ke dalam sungai akan mengakibatkan pencemaran air, tersumbatnya saluran dan banjir kilat. Oleh itu, langkah-langkah yang efisien perlu diambil bagi mengurangkan masalah yang diakibatkan oleh sampah sarap.

Ada sesetengah orang berpendapat, salah satu cara mengatasi masalah sampah sarap ini adalah dengan memperbanyak tempat pelupusan sampah. Pertambahan penduduk di samping pekerja asing memerlukan ruang untuk pembinaan kawasan kediaman. Di Malaysia, terdapat hampir 230 tapak pelupusan sampah dengan purata keluasan 15 hektar untuk setiap tapak. Pengurusan dan latihan operasi di kebanyakan tapak pelupusan ini secara keseluruhannya adalah lemah. Oleh itu, kita perlu mencari inisiatif lain untuk menangani hal ini.

1. Sebagai pengguna, kita memainkan peranan yang penting kerana kita menghasilkan sampah domestik setiap hari.
 - Kita boleh mengelakkan penggunaan hampir 15 beg plastik jika kita membawa beg sendiri untuk membeli belah.
 - Memilih barangan yang ingin dibeli sahaja.
 - Belilah produk mesra alam yang diiktiraf, kerana ini menunjukkan anda telah membantu mengurangkan beban kepada alam sekitar.
 - Beli barangan yang mempunyai bahan pembungkusan yang boleh diguna semula dan dikitar semula (kertas, kaca dan logam).
 - Pengasingan sampah yang dihasilkan di rumah patut dibuat. Dengan cara ini kita boleh mengumpul dan menjual barangan ini.
 - Terdapat juga pusat pungutan bahan kitar semula yang menjalankan aktiviti amal daripada hasil pendapatan. Hantarlah bahan-bahan yang boleh dikitar semula untuk tujuan ini.
 - Meletakkan lebih banyak tong kitar semula dan pastikan persatuan-persatuan penduduk serta pengurusan bangunan pejabat mengambil bahagian.
 - Kita juga patut sedar akan kewujudan pusat pungutan di kompleks-kompleks membeli belah.
2. Peranan pihak kerajaan pula adalah melalui pembinaan insinerator gasifikasi dan peleburan abu untuk menggantikan tapak-tapak pelupusan sampah konvensional.
 - Teknologi dari Jepun itu memenuhi piawaian alam sekitar terkini yang ditetapkan oleh negara-negara maju untuk melupuskan sampah dan sisa pepejal secara lebih selamat dan tanpa meninggalkan sebarang risiko kepada penduduk setempat.
 - Loji itu menggunakan teknologi moden dalam pengurusan sampah bagi menangani masalah pencemaran alam sekitar apabila sampah dibakar pada suhu tinggi bagi menghasilkan tenaga elektrik untuk kegunaan loji itu dan lebihan tenaga boleh dijual.
3. Pengkomposan
 - Mengikat sumber, kadar kitar semula di Malaysia cuma sekitar lima peratus. Oleh sebab sifat sampah dapur yang basah dan bercampur gaul dengan pelbagai bahan, maka bahan tidak boleh dikitar semula dan perlu terus dibuang ke tapak pelupusan sampah.
 - Jika diteliti, sampah dapur juga mempunyai nilai untuk dikitar semula. Mungkin bukan untuk dijadikan sesuatu barangan lain, seperti sampah kertas yang boleh dikitar semula untuk dijadikan kertas. Sebaliknya, sampah dapur boleh dikompos untuk dijadikan baja.

Selain pencemaran, masalah sampah ini akan menjejaskan sektor pelancongan dan kesihatan rakyat. Sebagai negara yang menuju ke arah negara maju, pengurusan sampah mestilah berada pada tahap yang terbaik.

Pengurangan sisa yang dihasilkan di Malaysia tidak dapat dilakukan oleh satu pihak sahaja. Hal ini melibatkan usaha bersama pengguna, industri dan kerajaan. Dengan kerjasama yang erat ini, kita dapat mengurangkan kesan buruk kepada alam sekitar. ***Ingatlah, ini sahaja dunia yang kita ada untuk didiami. Masa depan di tangan anda.*** Sekian, terima kasih.